

## A Resurgence of Development of Islamic Civilization?: Analysis of an Adolescent Novel *1511H (Kombat)* by Faisal Tehrani

### Pembangunan Tamadun Islam Akan Berulang?: Meneliti Novel Remaja *1511H [Kombat]* Karya Faisal Tehrani

MISRAN ROKIMIN

#### ABSTRAK

*Makalah ini menganalisis sebuah novel remaja berjudul 1511H (Kombat) karya Faisal Tehrani seorang penulis muda yang prolifik di negara ini. Karya-karya beliau banyak menyentuh tentang pentingnya kesedaran beragama oleh anak-anak muda sebagai asas kekuatan jati diri. Sebagai landasan menganalisis novel ini teori perulangan sejarah yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun lebih 600 tahun digunakan. Teori ini menjelaskan, dalam pembangunan tamadun sesebuah negara-bangsa akan mengalami jatuh bangun secara berulang-ulang akibat berlaku berbagai-bagai konflik. Bagi mengekalkan sesebuah tamadun bangsa itu agar tidak jatuh, Ibn Khaldun menyarankan supaya setiap bangsa memiliki semangat kekitaan yang teguh yang berlandaskan sifat berhemah tinggi, taat dalam melaksanakan kewajipan, menyanjung tinggi syariat agama dan adil mengurus dan mengambil berat. Kaedah penelitian yang digunakan ialah teknik bacaan rapi dan seterusnya menganalisis isi (content analysis) novel tersebut dengan mengaplikasikan empat ciri semangat kekitaan ke atas watak dan perwatakan, watak utamanya. Hasil analisis diharapkan boleh menjadi panduan kepada orang Melayu yang telah mengalami rentetan kejatuhan bermula zaman kesultanan Melaka, kemudian ditakluki di bawah penjajah silih berganti selama lebih 400 tahun dan setelah itu bangkit semula apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Setelah 52 tahun mencapai kemerdekaan, bibit kejatuhan agak terasa setelah negara melalui pilihanraya umum ke-12 yang lalu. Adakah orang Melayu/Islam telah hilang semangat kekitaan seperti pandangan Ibn Khaldun dalam teorinya? Atau tamadun Melayu/Islam akan bangkit pada tahun 2083 Masihi dengan kembali semula mempunyai semangat kekitaan yang jitu seperti gambaran novel 1511H (Kombat)? Soalan inilah yang mengasas perbincangan ini.*

*Kata kunci: teori perulangan sejarah, Ibn Khaldun, semangat kekitaan, tamadun Melayu/Islam, watak dan perwatakan*

## ABSTRACT

*This article analyse an adolescent's novel entitled 1511H (Combat) written by Faisal Tehrani a prolific young writer in Malaysia. Many of his works have touched on the importance of religious awareness amongst the young as a basis for their inner strength. The cyclical theory of history introduced by Ibn Khaldun more than 600 years ago is used to analyse the novel. This theory postulates that the development of the nation's civilisation will rise and fall repetitively as a result of various conflicts. To sustain a nation's civilisation and avoid potential collapse, Ibn Khaldun suggest that every citizen should have a strong sense of belonging based on good moral behaviour, obedience to work and duty, possess higher religious awareness and practice justice in managing and caring. The method used to analyse the novel is close reading technique, followed by content analysis of the novel by applying the four virtues mentioned to the main characters. It is hoped that the result of the analysis will help the Malays who had bitter experiences since the fall of Malacca Sultanate, through to the colonisation era of more than 400 years. Their re-emergence after independence on 31 August 1957 is a landmark. However, after 52 years of independence, signs of decay and fall can be seen especially after the 12<sup>th</sup> general election on 8 March 2008. The questions raised are whether the sense of belonging amongst the Malay/Islam have faded as viewed by Ibn Khaldun? Or is it possible the Malay/Islam will re-emerge with a solid sense of belonging in the year 2083 as portrayed in the novel? These questions will be the focus of the discussion.*

*Keywords: cyclical theory of history, Ibn Khaldun, sense of belonging, Malay/Islam civilization, character and characteristic*

## PENDAHULUAN

Novel merupakan satu bentuk penulisan prosa panjang yang mengandungi jalan cerita (story line). Bagi membina penceritaan yang kemas dan menarik, berbagai-bagai elemen dan teknik digunakan. Selain menggunakan bahasa yang menarik yang merupakan medium perantaraannya, elemen lain seperti tema, watak dan perwatakan, plot, latar yang dibina merupakan peniruan yang diambil daripada kehidupan manusia sebenar.

Pengarang sering memfokuskan penceritaannya tentang konflik antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat atau individu dengan alam dan sebagainya. Latar yang digunakan oleh pengarang boleh berlaku pada masa silam, masa kini dan masa hadapan. Tempat berlaku peristiwa tersebut pula boleh di darat, di laut atau di udara. Justeru, novel merupakan suatu kisah rekaan yang lengkap tentang pengalaman manusia dengan segala masalah dan konflik yang dihadapinya.

Novel yang dipersembahkan kepada pembaca mengandungi pelbagai kategori mengikut tahap kematangan intelektual individu. Beberapa orang sarjana negara ini mengkategorikannya kepada novel dewasa, novel remaja, novel kanak-kanak dan akhir-akhir ini yang sering diperkatakan ialah novel popular. Daripada segi kelompok penulis pula, ada penulis yang telah mapan dengan beberapa orang daripada mereka dianugerahi Sasterawan Negara seperti Shahnnon Ahmad, Arena Wati, A. Samad Said, Abdullah Hussein dan S. Othman Kelantan. Sementara yang lain tidak termasuk dalam golongan Sasterawan Negara, tetapi telah lama menulis seperti Azizi Haji Abdullah, A. Samad Ismail, Zaharah Nawawi, Khadijah Hashim dan Fatimah Busu. Kelompok kedua penulis muda yang mempunyai idealisme yang tinggi dan yang banyak menghasilkan novel remaja adalah seperti Faizal Tehrani, Zaid Akhtar, Abu Hassan Morad, Mohd. Nazmi Yaakub, Nisah Haron, Salina Ibrahim Siti Jasmina Ibrahim dan Azmah Nordin. Novel-novel mereka bertujuan mendidik golongan remaja. Kelompok ketiga pula terdiri daripada para penulis muda yang banyak memberi tumpuan kepada penulisan novel popular yang bertemakan cinta muda mudi. Antara penulis novel popular ialah, Shamsiah Mohd. Nor, Norhayati Ibrahim, Nass Alina Noah dan Ahadiat Akashah.

Makalah ini berhasrat meneliti sebuah novel remaja karya Faisal Tehrani berjudul *1511H [Kombat]* yang telah memenangi tempat pertama Peraduan Menulis Novel Remaja Kumpulan Utusan dan penaja utama Exxon Mobil pada tahun 2003. Sebagai landasan menganalisis novel ini, penulis akan menggunakan teori Ibn Khaldun (1332–1406 M) yang terkenal, iaitu teori perulangan sejarah (*cyclical theory of history*). Teori ini termasuk dalam salah satu teori klasik yang disebut sebagai *classic cyclical model* yang melihat jatuh banggunya tamadun sesebuah negara dan bangsa.

Penulis tertarik membicarakan isu ini, kerana novel ini bersifat futuristik dan gambaran yang dinukilkan memperlihatkan bahawa tamadun Islam akan membangun semula pada tahun 1511 Hijrah atau pada tahun 2083 Masihi. Setelah tamadun Islam jatuh di bawah kekuasaan pemerintahan Othmaniah di Turki pada tahun 1824, Islam terus tertekan dan pada akhir-akhir ini Islam dianggap sebagai *terrorist* oleh kuasa Barat yang didalangi Israel sekiranya umat Islam tidak bersependapat dengan mereka. Peristiwa ini boleh dijadikan renungan kepada orang Melayu yang mana akhir-akhir ini, setelah 52 tahun merdeka kekuasaan ekonomi dan politiknya sudah semakin mengecil.

#### *CLASSIC CYCLICAL THEORY* DAN PERULANGAN SEJARAH IBN KHALDUN

Fagerlind dan Saha (1985) dalam bukunya *Education and National Development: A Comparative Perspective* menjelaskan bahawa terdapat empat jenis teori yang berkaitan dengan perubahan dan pembangunan tamadun sesebuah negara dan bangsa. Empat teori tersebut adalah *Classic Cyclical*

*Theory, Augustinian Christian Theory, Linear Theory dan Cyclical Linear Theory.* Penulis hanya akan membicarakan teori yang pertama, iaitu *Classic Cyclical Theory*, kerana teori Perulangan Sejarah Ibn Khaldun termasuk dalam pemikiran aliran ini (school of thought) dan teori ini sesuai diaplikasikan sebagai landasan penganalisisan novel yang dibincangkan.

Fagerlind dan Saha (1985) menghuraikan teori ini seperti berikut:

The first pattern we call the Classic Cyclical Model, which includes the Greek and Roman views about the never-ending cycles of growth and decay of all material things, including nations and civilizations. There were variations, for example Plato's view that there were general cosmic cycles, lasting for thousand of years within which were concentric-like cycles. Ibn Khaldun's view of the repetitiveness of history put him into this school, although with an added emphasis on never-ending conflict. (hal. 26).

Petikan di atas menjelaskan pandangan Ibn Khaldun terhadap teori perulangan sejarah termasuk dalam teori *Classic Cyclical Model* yang mula diperkenalkan oleh Plato. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara pandangan Ibn Khaldun dan Plato. Rajah 1 menunjukkan pemahaman tentang perulangan sejarah oleh Ibn Khaldun dengan lebih mendalam:

Pembangunan

Waktu

Nota: Ubahsuai daripada Fagerlind dan Sha 1985

RAJAH 1. Perulangan sejarah Ibnu Khaldun dalam *Classic Cyclical Theory*

Berdasarkan Rajah 1, dapat dijelaskan bahawa sesebuah negara yang telah membangunkan tamadunnya, lambat laun akan mengalami zaman kejatuhan akibat daripada kelemahan dalam pemerintahan. Kuasa pemerintahan yang lemah ini akan diambil alih oleh pemerintahan yang lain. Kuasa pemerintahan ini juga setelah beberapa tahun berkuasa, akibat kelemahannya juga akhirnya akan bertukar tangan kepada pemerintahan yang lain pula. Peristiwa ini akan berlaku secara berulang-ulang selama beberapa ratus tahun.

Ibn Khaldun memberi contoh:

Apabila dinasti Abassiah menjadi lemah, tampuk pemerintahan jatuh ke tangan bangsa Dailam. Kemudian bangsa Dailam, mengikut gilirannya telah kehilangan kuasa. Bangsa Saljuk telah mengambil alih kuasa dan melantik khalifah daripada kalangan mereka. Kemudian bangsa Saljuk mengikut gilirannya kehilangan kuasa, akhirnya bangsa Tartar pula yang membuat serangan dan menghapuskan khalifah sama sekali (Ibn Khaldun 1995:140).

Peristiwa perubahan kuasa secara berulang-ulang ini bukan sahaja berlaku di dalam tamadun Islam, tetapi berlaku juga dalam tamadun Barat seperti Empayar Yunani beralih kepada Romawi dan kemudian beralih kepada Parsi.


Mengapa berlaku keadaan sedemikian? Ibn Khaldun menjelaskan berlakunya keadaan sedemikian kerana apabila dalam tamadun sesebuah negara itu pemimpin dan rakyatnya hilang semangat kekitaan (*esprit de coup* atau *sense of belonging*). Dalam hal ini S. Husin Ali (1982) menjelaskan, semangat kekitaan sering wujud di kalangan penduduk kampung, dan ini diperkukuhkan lagi oleh bermacam interaksi sosial, agama, ekonomi dan politik yang wujud di antara satu sama lain (hal. 65). Apabila sudah tidak ada penyatuan dalam perkara-perkara tersebut maka semangat kekitaan akhirnya menjadi pudar. Ibn Khaldun berpendapat, kuasa raja dan kekuasaan sesebuah dinasti secara meluas hanya boleh ditegakkan melalui usaha sesuatu kumpulan yang memiliki semangat kekitaan yang kukuh. Hal ini adalah kerana sikap agresif dan defensif hanya dapat dicapai melalui semangat kekitaan, yang membawa erti bahawa setiap anggotanya saling sayang menyayangi dan sanggup berjuang serta rela terkorban demi menjaga kepentingan bersama (Ibn Khaldun 1995:140).

Ibn Khaldun menjelaskan selanjutnya, semangat kekitaan ini hanya boleh bertahan selama 120 tahun atau dalam tempoh tiga generasi, iaitu 40 tahun bagi satu generasi pembangunan tamadun sesebuah negara, atau boleh berlaku kurang daripada 120 tahun. Beliau memberi contoh kehidupan masyarakat padang pasir, iaitu generasi pertama mengekalkan sifat-sifat masyarakat padang pasir yakni kekasaran dan kebiadabannya yang hidup sebagai pengembara. Anggota masyarakat telah lali dengan kehidupan yang serba terdesak dan memegang amalan 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Mereka berjiwa besar. Oleh yang demikian, kekuatan semangat kekitaan terus dipupuk di kalangan mereka. Mereka disegani dan digentari serta ramai yang tunduk kepada mereka.

Setelah 40 tahun, berlalu muncul generasi kedua. Kehidupan mereka dipengaruhi kedaulatan kuasa dan mereka hidup serba selesa. Mereka telah berubah daripada mengalami cara hidup mengembara kepada cara hidup masyarakat yang menetap dan memiliki kemewahan. Daripada suatu kehidupan yang sempit dahulunya, mereka berubah kepada kehidupan yang melimpah ruah. Mereka dahulunya merupakan masyarakat yang berani dan akan sama-sama mengharungi hidup susah dan senang, namun kini semangat itu telah hilang, kerana kekayaan dan keseronokan yang diperolehi menjadikan mereka alpa.

Proses evolusi ini terus berlaku apabila munculnya generasi ketiga setelah 40 tahun generasi kedua semakin nipis semangat kekitaannya. Generasi ketiga

ini sama sekali telah lupa akan kehidupan di padang pasir dan kesulitannya, seolah-olah kehidupan itu adalah sesuatu yang tidak pernah wujud. Mereka telah kehilangan rasa nikmat kegemilangan hasil daripada mengamalkan semangat kekitaan, kerana mereka sudah biasa dengan keadaan diperintah. Kemewahan telah merosakkan mereka, kerana mereka telah dibesarkan dengan kehidupan yang senang dan mudah. Mereka terlalu bergantung kepada kerajaan, seperti para wanita dan kanak-kanak yang perlu dilindungi. Semangat kekitaan telah lenyap sama sekali. Pihak pemerintah pula mengelabui mata rakyat dengan kebesaran pangkat, pakaian dan sebagainya. Padahal mereka adalah lebih pengecut daripada seorang perempuan. Apabila ada yang menuntut sesuatu perkara mereka tidak berupaya mengusirnya (Ibn Khaldun 1995:167). Proses hilangnya semangat kekitaan sehingga membawa keruntuhan sesebuah tamadun selepas tiga generasi dijelaskan dalam Rajah 2.



*Nota:* Ubahsuai pandangan Ibnu Khaldun keruntuhan sesebuah tamadun selepas 120 tahun – hilangnya semangat kekitaan

RAJAH 2. Kejatuhan sesebuah pemerintah selepas tiga generasi

Rajah 2 merupakan ilustrasi berdasarkan pandangan Ibn Khaldun, bahawa pemerintahan dan tamadun sesebuah negara dan bangsa akan hancur kerana hilangnya semangat kekitaan, akibat rakyat yang telah merasai nikmat hidup yang melampau dengan kebesaran pangkat. Mereka menjadi lalai kepada tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. Tamadun yang dibina pada asalnya cemerlang akhirnya lenyap dan diganti dengan pemerintahan yang baru.

Kejatuhan ini jangan rakyat sahaja yang dipersalahkan. Pihak pemerintah juga wajar dipersalahkan. Kejatuhan ini adalah akibat para pemerintah telah melakukan banyak penyelewengan, melakukan penindasan, rasuah yang meluas dan bertindak zalim. Banyak contoh seperti yang berlaku dalam kerajaan Islam, Yunani, Romawi, Parsi dan sebagainya ( Al Attas 2000).

Contoh yang jelas boleh dilihat dalam perkembangan tamadun Islam. Selepas beberapa peristiwa sejarah kejatuhan pemerintahan Islam seperti kerajaan

Maawiyah, Abassiah, kerajaan Islam di Sepanyol, Moghul di India, kerajaan Islam di Melaka dan terakhir kerajaan Islam Turki pada tahun 1824. Negara-negara Islam bertukar menjadi kuasa yang kecil dan dibayangi oleh kuasa Barat. Jatuhnya beberapa kerajaan Islam yang pada suatu ketika dianggap kuasa besar dengan tamadun yang kuat, adalah akibat hilangnya semangat kekitaan. Pemerintah dan rakyatnya alpa dengan kemewahan, mencintai hidonism, membina istana-istana mewah sehingga mengabaikan rakyat miskin, berlaku zalim dan sebagainya. Contoh yang diberikan oleh Al Attas (2000: 51) ialah secebis daripada kisah pemerintahan Islam Maharaja Jahangir di India sewaktu berkuasa. Dalam tulisannya Al Attas menceritakan, "... beliau telah melagakan seorang tanpa senjata dengan seekor singa hingga badannya itu habis disiat... (hal. 51)."

Justeru Ibn Khaldun (1995:119–120) memberikan ciri-ciri semangat kekitaan yang wajar dipegang oleh setiap pemerintah yang mentadbir negaranya. Bagi Ibn Khaldun, pemerintah yang berpegang kuat kepada semangat kekitaan, kekuasaan mereka akan dijamin Allah – kerana keinginan mereka untuk melakukan kebajikan. Ibn Khaldun membahagikannya kepada empat ciri penting, iaitu:

**Berhemah tinggi** seperti bermurah hati, memberi maaf terhadap kesalahan, bertolak ansur terhadap orang yang lemah, hormat kepada tetamu, membantu mereka yang memerlukan bantuan, menyara orang yang kurang berada, sabar apabila ditimpa sesuatu yang tidak diingini, tidak mampu berbohong dan tidak mengabaikan tanggungjawab.

**Taat dalam melakukan kewajipan**, sanggup menggunakan kekayaannya untuk memelihara kehormatan, melaksanakan tugas sebagaimana syariat agama dan sentiasa beribadat dalam segala hal.

**Menyanjung tinggi syariat agama** dan memuliakan para ulama, mengerjakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang, taat dan menghormati tokoh-tokoh agama dan sentiasa memohon doa mereka, menghormati orang tua dan para guru, mengakui kebenaran mereka yang mengajak kepada jalan yang benar.

**Adil mengurus dan mengambil berat** terhadap mereka yang tidak berdaya untuk menguruskan diri mereka sendiri, bersikap rendah diri terhadap orang miskin, bersedia mendengar keluh kesah orang yang memerlukan bantuan.

Empat ciri utama yang mengandungi perkara-perkara kecil seperti yang gariskan oleh Ibn Khaldun, perlu menjadi pegangan kepada para pemimpin Islam agar dapat menggembeling seluruh umat manusia muslim mempunyai semangat kekitaan yang tinggi. Ini akan menjamin kekentalan sesebuah negara yang akan bangkit semula setelah ditekan begitu lama.

Setelah memahami pandangan Ibn Khaldun tentang teori perulangan sejarah, tentang pentingnya semangat kekitaan dalam kalangan pemerintah dan rakyat dan apa yang menyebabkan semangat kekitaan itu lenyap, berikut adalah analisis novel *1511H [Kombat]*, yang menggambarkan tamadun Islam akan bangkit semula dan sejarah kecemerlangan Islam masa lampau akan berulang.

## LATAR BELAKANG PENULIS DAN GAGASAN SASTERA

Faisal Tehrani atau nama sebenarnya Mohd. Faisal Musa dilahirkan pada 7 Ogos 1974 di Kuala Lumpur. Pada usia lima tahun beliau telah dibawa oleh ibu bapanya berpindah ke Melaka. Beliau menerima pendidikan peringkat sekolah rendah di Sekolah Sacred Heart, Melaka dan kemudian berpindah ke Sekolah Rendah Jalan Dato' Palembang di mana beliau lulus peperiksaan penilaian dengan memperolehi 5A. Beliau meneruskan persekolahan peringkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Sultan Muhammad hingga ke tingkatan tiga, dan beliau memperolehi keputusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dengan cemerlang. Faisal Tehrani kemudian menyambung pengajiannya di Kolej Islam Kelang (Kolej Islam Sultan Alam Shah). Seterusnya beliau melanjutkan pengajian di Akademi Nilam Puri, Kelantan seterusnya mengaji di Universiti Malaya dalam bidang Syariah, Sahsiah bagi memperolehi ijazah sarjanamuda. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian pada peringkat Sarjana dalam bidang kesusasteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) (Wan Aliza 2008). Bermula di USM, beliau mendekati Shahnnon Ahmad yang pada waktu itu bertugas di universiti tersebut. Sebagai pengarang yang mencintai ilmu beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kini sedang menyiapkan tesis bagi memperolehi ijazah tersebut.

Dalam bidang penulisan sastera, beliau banyak menghasilkan tulisan dalam berbagai genre kesusasteraan seperti novel remaja, cerpen, drama dan esei. Sehingga kini beliau menghasilkan hampir 20 buah novel, lima buah drama pentas, hampir 50 buah esei/artikel yang disiarkan dalam Dewan Sastera, Berita Harian, Mingguan Malaysia, Utusan Malaysia, Siasah, banyak menghasilkan cerpen, dan sebagainya. Sepanjang keterlibatan beliau menulis novel dan cerpen, karya beliau banyak memenangi sayembara menulis novel dan cerpen yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Hadiah Utusan, Hadiah Sastera DarulTa'azim dan sebagainya (Rahayu 2000).

Sebagai seorang penulis yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang baik dan memiliki bakat penulisan yang cukup tinggi, banyak novel beliau membawa mesej keIslaman. Beliau berpegang pada gagasan kesusasteraan Islam yang mula-mula dipelopori oleh Shahnnon Ahmad, yang juga merupakan gurunya. Gurunya itu banyak mempengaruhi pemikiran kepengarangan beliau. Gagasan sastera Islam Shahnnon Ahmad mengutarakan bahawa berbudaya, berseni atau bersastera yang bertunggakkkan Islam sama sahaja seperti beribadat atau berbakti kepada Allah SWT. Lantaran itu sastera Islam seharusnya sastera kerana Allah



SWT berhikmah untuk manusia sejagat (Shahnon Ahmad 1977: 426–427; 1987). Memahami falsafah tentang sastra Islam, sebagai pengarang yang mempunyai idealisme, Faisal Tehrani menyalurkan pemikiran keagamaannya menerusi hasil karyanya sama ada novel, cerpen atau drama. Tujuan utamanya adalah untuk mendidik generasi muda agar mencintai agama (Hasliza Hassan 2007). Antara novel-novel remajanya yang cenderung ke arah keIslaman ialah *Manikam Kalbu* (2007), *1511H (Kombat)* (2003) dan *Advencer Si Peniup Nei* (2004).

Lantaran mesej keIslaman yang begitu menonjol yang hendak dijadikan renungan kepada pembaca remaja, penulis memilih salah sebuah novelnya, iaitu *1511H (Kombat)* untuk dianalisis isi kandungannya. Novel yang dipilih itu kuat memberi kesedaran betapa pentingnya penyatuan ummah.

### SINOPSIS *1511H [KOMBAT]*

Novel ini bersifat futuristik. Tema novel ini adalah tentang kebangkitan Islam yang dijangkakan berlaku pada 1511 Hijrah atau pada tahun 2083 Masihi. Ceritanya berkisar sekumpulan anak muda Islam seramai 11 orang yang dikumpulkan daripada berbagai-bagai negara di dunia. Kebangkitan mereka berpunca daripada berita bahawa Amerika dan Israel dengan dibantu oleh negara Eropah lain, hendak menyerang kota suci Mekah dan Madinah. Ancaman ini menjadi tanggungjawab mereka untuk mematahkannya. Mereka berasa yakin dengan senjata yang telah berjaya dibangunkan hasil pembiayaan seorang wanita berusia 63 tahun yang lumpuh kakinya. Beliau seorang hartawan yang telah mewarisi harta peninggalan arwah ayahnya bernilai berbilion ringgit. Wanita tersebut bernama Syarifah Nusaybah Syed Abdullah dan beliau juga bertindak sebagai general pasukan tentera Islam.

Kumpulan remaja ini memiliki kepakaran dalam berbagai bidang setelah otak mereka ditanamkan cip yang boleh mengesan pergerakan musuh baik di bumi, laut dan udara. Mereka menguasai strategi peperangan, menguasai komputer, berupaya membaikpulih alat senjata dan mempunyai keberanian yang luar biasa kerana mereka menginginkan mati syahid.

Watak-watak remaja dalam lingkungan usia 19–23 tahun, seperti Muhammad Ameen (Kuala Lumpur) – ketua pasukan, Ali Halimah (Damsyik) – pakar komputer, Syarifah Zinnera Syed Muhammad – cucu Nusaybah pakar fizik, Abdullah Abu Tholib (Sana'a, Yaman), Imran Abd. Aziz (Cape Town, Afrika Selatan) – pakar senjata, Abu Bakar Ahmed (Cameroon), Mohammad Abbas (Kaherah) – jurutera, Bilal Kaya (Turki) – ketenteraan laut, Emrullah Ozer (Turki) – suami Syarifah Zinnera, Salam Badar (India) – perisikan dan Syed Habib (cucu Nusaybah, abang Zinnera) – strategi perang. Mereka semua bergelar komander dalam Gabungan Tentera Pemuda Islam.

Dengan semangat jihad yang ada dalam diri mereka dan dibantu dengan ribuan tentera yang dinamakan *Cyborg* (semuanya ditanamkan cip dalam otak) selain dilengkapi dengan peralatan senjata perang yang canggih, mereka

menjadi pasukan tentera yang berani. Dalam peperangan mempertahankan kota Makkah dan Madinah selama enam hari tanpa henti (19–25 Rabiulawal 1511H), mereka berjaya menewaskan tentera musuh yang berada di darat, laut dan udara. Pasukan tentera Islam ini juga akhirnya berjaya menyerang Amerika dan menawan Washington.

## ANALISIS NOVEL

### BERHEMAH TINGGI DAN SIFAT-SIFAT BAIK YANG LAIN

Pengarang novel ini mengangkat watak Hajah Syarifah Nusaybah Syed Abdullah sebagai pemimpin utama ketika berhadapan dengan ancaman serangan yang akan dilakukan tentera Barat yang diketuai oleh Amerika dan Presidennya bernama Nosirname. Matlamat serangan mereka ialah untuk menghancurkan kota suci Mekah dan Madinah. Pada pandangan mereka, sekiranya kedua-dua kota ini tidak dimusnahkan, Islam tidak dapat dihancurkan. Tambahan pula kota suci Mekah merupakan paksi bagi dunia ini.

Sebagai orang Islam yang mencintai agamanya, Syarifah Nusaybah yang berusia 67 tahun dan lumpuh berasa bertanggungjawab mempertahankan kedua-dua kota suci ini. Sebagai pemimpin yang berpangkat jeneral, sifat-sifat beliau yang berhemah tinggi begitu terserlah. Beliau telah melantik sebelas orang anak muda daripada berbilang bangsa yang mempunyai pelbagai kemahiran teknologi dan taktik peperangan. Mereka diasuh dengan baik dan ditanamkan semangat dengan penuh hikmah dan bijaksana. Malahan ada di antara anak muda tersebut dijadikan anak angkat seperti Salim, keturunan bangsa India, Kashmir.

Kebijaksanaan Jeneral Nusaybah mengangkat anak muda kerana beliau yakin dengan contoh-contoh kekuatan dan keberanian yang ditunjukkan oleh anak-anak muda zaman Rasulullah S.A.W. Katanya:

Ana berpegang kepada al Quran dan Sirah Rasulullah S.A.W. Bukankah Habib al-Najjar dalam ayat 20 hingga ayat 27 surah Yasin di bunuh kerana mempertahankan akidahnya? Bukankah remaja dalam surah al Buruj pada kisah Ashabul Ukhdud sanggup mati untuk mengembangkan akidah sucinya? Ana berpegang kepada kisah Sayidina Umar bin al Hammam yang menyerbu ke dalam barisan musuh dalam perang Badar dan mati syahid lalu diestui Rasulullah S.A.W.” (1511H (*Kombat*): 19).

Pendekatan secara berhikmah dan penuh semangat menyebabkan salah seorang anak muda bernama Muhammad Ameen, yang berasal hadas Nusantara, dan yang bakal dilantik sebagai ketua komandan untuk menggantikan jeneral Nusaybah yang cedera bagi mengepalai 10 orang anak muda yang lain, tidak berupaya untuk menolak. Kata-kata Jeneral Nusaybah sentiasa menjelma dalam ingatannya yang amat mengharapakan tenaga muda untuk mempertahankan maruah Islam, seperti katanya:

... ana hanya memilih orang muda anakku. Itulah permulaannya. Hanya dengan futuwwah dapat diselamatkan dunia Islam sekarang ini ... tindak harus cepat, gegas harus tangkas ... andaikata ketinggalan, musuh akan merosakkan.”

Ana memilih enta kerana entalah ahli futuwwah sebenar. Anak muda penuh etika. Ana tidak memilih orang yang salah... (1511H [Kombat]:3)

Jeneral Nusaybah percaya, melantik anak muda bagi menghadapi ancaman musuh dari Barat dapat mengangkat kembali keagungan Islam. Pendekatan yang dilakukan secara berhemah dan tidak memaksa membolehkan Jeneral Nusaybah membentuk sebuah pasukan tentera pemuda Islam yang penuh disiplin, patuh kepada arahan, sentiasa saling bantu membantu, sabar dan bertolak ansur dalam menghadapi musuh bersama.

Muhammad Ameen walaupun ketika itu berusia 19 tahun, namun atas kepercayaan yang diberikan oleh Jeneral Nusaybah mengepalai kumpulan 10 orang komander, bersedia melaksanakan tugas berat dan mencabar.

#### TAAT MELAKUKAN KEWAJIPAN DAN SANGGUP MENGGUNAKAN KEKAYAANNYA

Ciri kedua untuk menguatkan semangat kekitaan seperti yang dijelaskan oleh Ibn Khaldun ialah taat melakukan kewajipan kepada Allah dan sanggup menggunakan segala kekayaannya untuk menegakkan dan mempertahankan Islam. Jeneral Nusaybah memiliki ciri tersebut.

Nama sebenar Jeneral Nusaybah ialah Syarifah Nusaybah Syed Abdullah. Beliau mewarisi harta peninggalan arwah ayah dan datuknya Syed Ali. Syed Ali (datuk Nusaybah), memiliki rangkaian bank, mendominasi perusahaan beras dan membeli lombong berlian di Afrika Selatan. Beliau juga mendapat kontrak membekalkan simen di China dan Korea Selatan. Syed Ali berkahwin dengan Syarifah Nadrah yang mewarisi harta ayahnya yang meluas hingga ke Eropah serta mempunyai syarikat pembinaan helikopter yang berpangkalan di Pahang. Gabungan kedua-duanya menjadi satu empayar yang luar biasa besarnya.

Syed Ali dan Syarifah Nadrah hanya dikurniakan seorang anak lelaki bernama Syed Abdullah (mengambil nama datuknya). Apabila ayahnya meninggal Syed Abdullah meningkatkan perniagaannya dengan menguasai beberapa buah syarikat telekomunikasi di Indonesia. Syed Ali mempunyai tiga orang anak yang semuanya perempuan, salah seorang daripadanya Syarifah Nusaybah. Malang menimpa keluarga hartawan ini apabila ayah dan ibu serta dua anaknya hilang tanpa dapat dikesan. Tinggallah Syarifah Nusaybah menguruskan perniagaan ayahnya. Syarifah Nusaybah berkahwin dengan seorang alim Turki yang bertugas sebagai jurutera lepasan Universiti Madinah. Suaminya meninggal dunia dalam usia yang masih muda. Mereka dikurniakan empat orang cahaya mata, tetapi seorang demi seorang telah mati dibunuh oleh agen Yahudi. Walau bagaimanapun, salah seorang sempat meninggalkan dua orang anak, iaitu Syed Habib dan Syarifah Zinnera. Dengan kedua orang cucunya inilah beliau

tinggal dan kedua-duanya menganggotai kumpulan 11 orang tentera pemuda Islam.

Hasil peninggalan harta ayah, datuk dan moyangnya, harta Syarifah Nusaibah amat luar biasa banyaknya. Beliau menggunakan kekayaan yang dimilikinya untuk perjuangan menegakkan Islam. Beliau berusaha membina masjid, Pusat Pengajian Oksidental dan banyak mewakafkan tanahnya bagi mendirikan sekolah agama rakyat dan Pusat Hafiz Negara. Muhammad Ameen, yang dilantik menjadi Komander mengepalai 10 orang anak muda lain, adalah lepasan Pusat Hafiz ini.

Pembiayaan yang ditanggung oleh Jeneral Nusaybah, bertujuan mengukuhkan ketakwaan dalam Islam. Institusi seperti masjid, sekolah, pusat kajian merupakan tempat menanam kesedaran dan keimanan Islam dalam diri umat Islam terutama generasi muda. Dari sudut kekuatan fizikal umat Islam, Syarifah Nusaibah membina sebuah kilang senjata yang canggih sebagaimana yang diinginkan beliau. Katanya:

Anaku Komander Muhammad Ameen, inilah yang telah ana bina untuk menguatkan Islam. Sejak ibu bapa ana dibunuh CIA, sejak Islam dan dunia Timur diperkotak-katik, ana anggap mereka ialah musuh yang perlu dibasmi... Mulut Hajah Nusaybah bergetar. (1511H [*Kombat*]:52).

Berdasarkan petikan di atas, Syarifah Nusaybah bertekad, untuk menentang suatu kuasa besar yang mempunyai peralatan perang yang canggih dan hebat. Tujuan itu hanya boleh dicapai dengan kelengkapan perang yang lebih hebat daripada yang dimiliki kuasa besar tersebut. Justeru kilang yang dibangunkan sebagai tempat membuat senjata amat kukuh buatannya dan tidak dapat dikesan oleh pihak musuh. Bangunan tersebut mempunyai jendela kalis peluru, sepuluh tingkat terbenam di dalam tanah. Para pekerja yang bertugas di kilang ini terdiri daripada para saintis muslim yang patuh kepada ajaran Islam. Mereka mencipta senjata, membeli senjata asal di pasaran gelap dan membuat klonnya dan memajukan klon itu dengan kekuatan berganda.

Selain itu, sejumlah wang yang banyak telah dilaburkan untuk membina pasukan tentera yang kuat. Mereka dipilih daripada hafiz Al-Quran, bekas-bekas mujahidin, anak-anak intifada yang kemudian dijadikan tentera *Cyborg*. Setiap seorang daripada mereka ditanam cip komputer di dalam otak. Tujuannya untuk meningkatkan latihan ketenteraan. Tidak perlu melalui kursus latihan penggunaan senjata kerana semuanya diprogramkan menerusi cip tersebut. Mereka ini akan menjadi tentera yang berani, kuat dan tidak gentar menghadapi kematian, kerana syahid itu yang mereka inginkan seperti janji Allah, mereka yang mati syahid akan dimasukkan ke dalam syurga.

Lebih 20 tahun Syarifah Nusaybah dan pasukan saintisnya membangunkan tentera *Cyborg* ini, kerana tanpa persenjataan yang canggih dan tentera yang hebat, Islam tidak akan boleh bangun semula. Kata-kata Syarifah Nusaybah jelas dalam hal ini:

Anakku, mereka semua merelakan diri untuk perjuangan Islam. Kita gunakan sains untuk meningkatkan kemampuan jihad kita. Janganlah enta meragui hal ini. Kami telah berjihad dan merenung sedalam-dalamnya akan hal ini.” Hajjah Nusaybah seakan dapat mengendur kegusaran yang terpancar pada rona wajahnya... (1511H [Kombat]:54)

Hasil usaha yang dilakukan oleh Syarifah Nusaybah dengan bantuan kewangannya sendiri, pasukan tentera Islam mempunyai tiga kekuatan, iaitu kekuatan akidah, kekuatan sumber asli dan kekuatan sumber manusia yang perlu dieksploit sebaik-baiknya, (1511H [Kombat]:59).

Justeru, sebagai pemimpin yang taat melakukan kewajipan terhadap agama Islam yang dicintai, beliau berusaha untuk menyelamatkan kota suci Mekah dan Madinah daripada diserang pihak musuh. Segala sumber kewangan digunakan untuk membangunkan akidah umat Islam dan di samping itu membina kekuatan persenjataan ketenteraan yang lebih canggih daripada pihak musuh. Dalam Islam, memiliki kekayaan adalah tidak salah. Namun kekayaan itu hendaklah digunakan untuk menanam semangat kekitaan kepada bangsa supaya diberkati Allah. Apa yang dilakukan oleh Jeneral Nusaybah amat dituntut.

#### MENYANJUNG TINGGI SYARIAT AGAMA

Ciri ketiga yang perlu ada pada para pemimpin bagi mengukuhkan semangat kekitaan ialah menyanjung tinggi syariat agama. Sebagai seorang pemimpin, Jeneral Nusaybah – setelah suaminya meninggal dunia pada usia muda – mula mendekati ajaran tasawuf dan ilmu sufi sebagai satu cara mendekati dirinya dengan Allah. Sehingakan apa yang dilakukannya adalah kerana Allah. Perjuangannya menegakkan agama suci tidak hanya melalui amalan-amalan mengerjakan rukun Islam seharian, tetapi juga pengorbanan wang ringgit yang tidak pernah berkira begitu besar sumbangannya.

Lantaran keyakinannya dengan janji Allah, Jeneral Nusaybah sentiasa menasihatkan para tentera Islam agar tidak mengabaikan perintah Allah walau di manapun mereka berada. Nasihat beliau:

Tuan-tuan, kita semua telah tahu, tetapi ana ingin mengingatkan lagi hadis Nabi Muhammad S.A.W apabila baginda ditanyakan apakah ciri pemuda beretika atau futuwwah sabda Rasullullah S.A.W, ciri-ciri itu meliputi sifat jujur, menepati janji, memegang amanah, meninggalkan bohong, berderma dan memelihara anak yatim membantu orang miskin, mendedahkan hasil kerja, berbuat kebajikan, ramah dan rasa malu.

Pemuda-pemuda Islam sekalian, satu sifat abadi tentera Islam ialah tabah dan sabar dalam berdepan dengan musuh. Apa yang bakal kita hadapi sungguh getir... (1511H [Kombat]:127).

Nasihat yang disampaikan oleh Jeneral Nusaybah itu adalah daripada ajaran yang diterimanya. Beliau banyak membaca ayat-ayat suci Al-Quran, mempelajari hadis dan mengutip kata-kata daripada alim ulama. Kata beliau:

Anak-anakku yang berjiwa besar, tegapkanlah keyakinan tauhid kepada Allah, bahawa dasar perjuangan kita ialah mencari redha Allah dengan berusaha bersungguh-sungguh dan berserah dalam kekuasaanNya. Tegakkanlah kecintaan kita kepada Rasullullah S.A.W yang telah mengajar kita iman dan jihad... (1511H [Kombat] :130).

Kata-kata perangsang oleh Jeneral Nusaybah sering ditarbiyahkan kepada angkatan tentera Islam bawah pemerintahannya. Baginya manusia yang sentiasa menjunjung syariat Allah akan menerima balasan baik di akhirat kelak. Justeru, para tentera Islam yang dibangunkan oleh Jeneral Nusaybah, merupakan tentera yang handal sama ada mereka bertugas di darat, laut atau di udara.

#### ADIL DALAM PENGURUSAN

Ciri yang terakhir ialah, bersikap adil dalam mengurus sama ada keluarga, pasukan tentera dan sebagainya. Jeneral Nusaybah bersifat adil dan memilih seseorang dengan prinsip: meletakkan sesuatu itu tepat pada tempatnya (Syed Muhammad Naguib Al-Attas 1972), yakni mereka yang dipilih itu diletakkan pada tempat yang bersesuaian dengan kebolehan, ilmu dan kepakarannya. Beliau tidak memilih anak menantu, darah keturunan atau bangsa seseorang itu untuk memegang jawatan yang tidak sesuai dengan kebolehan dan kepakaran mereka. Peristiwa ini dibuktikan apabila beliau memilih Muhammad Ameen pemuda Melayu menjadi ketua bagi sepuluh komander lain, setelah Jeneral Nusaybah tercedera apabila tempat tinggalnya terkena bom tentera Amerika.

Muhammad Ameen dilantik, kerana Jeneral Nusaybah mendapati pemuda itu mempunyai etika yang baik, seorang tahfiz dan tinggi ilmu agamanya yang dipelajari daripada seorang guru agama yang kuat berpegang kepada tarikat. Walaupun Muhammad Ameen keturunan Melayu, dan Jeneral Nusaybah keturunan Arab, beliau tidak melantik daripada kaum yang sama keturunan dengannya. Ciri-ciri kepimpinan yang ada dalam diri Muhammad Ameen dianggap orang yang mampu menjadi ketua. Malahan Jeneral Nusaybah tidak melantik cucunya Habib, yang dianggap lebih sesuai kerana kekanannya dalam pasukan. Hal ini disebabkan Habib tidak dapat menandingi Muhammad Ameen kerana tidak mempunyai keazaman yang tinggi. Kata Jeneral Nusaybah:

Kedua-duanya ada hubungan keluarga dengan ana. Habib cucu, Emrullah suami cucu. Ini bukan pewarisan. Kalau Komander Muhammad Ameen?

.....  
Hajah Nusaybah senyum lemah, menyambung lagi... Lihat, bukankah ana orang Arab? Salim, Muhammad Ameen memang belum teruji. Itu bukan soalnya, dia belum diberi peluang. Atas nama Allah dan Islam, mawaddah dan mahaabah serta ukhuwwah Islamisah, Arab, Turki, India dan bangsa-bangsa lain akan menyokong Melayu Islam. Dia orang Melayu. Betul belum teruji, tetapi mesti dibenarkan mencuba...ana lihat futuwahnya kukuh. Sangat kukuh.” Nafas Hajah Nusaybah tersekat-sekat. Tetapi dia mahu menyudahkan... (1511H [Kombat] hal. 234 - 235)

Selain itu Jeneral Nusaybah banyak membantu anak-anak yatim, lalu dibelanya menjadi anak angkat dan diasuh bagi menganggotai pasukan tentera. Bagi Jeneral Nusaybah, kanak-kanak miskin dan yatim mempunyai aset yang baik jika diasuh dengan sempurna. Sebagai contoh, Salim seorang anak yatim piatu dari India. Keluarganya terbunuh dalam satu keganasan yang dilakukan oleh pelampau Hindu. Setelah diselamatkan dan diberikan pendidikan, akhirnya Salim merupakan ketua perisik bagi Gabungan Tentera Pemuda Islam. Ini membuktikan Jeneral Nusaybah mampu mengurus dalam segenap bidang kehidupan manusia, sama ada kewangan, tenaga manusia, dan pusat penyelidikan yang dibangunkannya dengan berjaya.

Keempat-empat ciri yang telah dibincangkan menjadi pegangan Jeneral Nusaybah sehingga berjaya menggembeling tenaga untuk dijadikan tentera Islam yang kuat. Mereka mempunyai semangat kekitaan yang cukup padu, kerana mereka berjuang menegakkan kepentingan bersama, iaitu mempertahankan agama Islam yang suci. Walaupun angkatan sebelas orang pemuda datang daripada berbagai negara, namun semangat kekitaan telah dipupuk di bawah pemimpinnya yang mempunyai matlamat menegakkan maruah Islam yang dianuti oleh pelbagai bangsa seluruh dunia.

### PENGAJARAN DARI NOVEL *1511H [KOMBAT]*

Setelah menganalisis novel *1511H [Kombat]* ini, beberapa perkara boleh diambil sebagai pengajaran kepada umat Islam iaitu:

1. Orang Islam perlu kembali mencintai agamanya sekiranya Islam ingin bangkit semula setelah mengalami kejatuhan lebih 100 tahun lalu. Semangat beragama dan cintakan agama dipupuk terutama dalam jiwa generasi muda. Pengarang melihat situasi semasa, anak-anak mudanya telah semakin jauh daripada mencintai agama. Semangat kekitaan inilah yang perlu dipertahankan. Apabila agama sudah tidak menjadi pegangan hidup (way of life) maka berlakulah pelbagai masalah sosial yang membawa kepada kerosakan iman. Kalau keadaan ini berterusan Islam tidak mungkin bangkit, kerana penganutnya telah kehilangan semangat kekitaan, kerana paksi kepada semangat kekitaan ialah kembali kepada fitrah agama. Dengan keimanan yang kuat seluruh individu muslim akan dapat disatukan.
2. Di samping meningkatkan rasa kecintaan kepada agama, pengarang novel ini menekankan pentingnya budaya mencari ilmu terutama ilmu yang berkaitan dengan sains dan teknologi dan persenjataan. Umat Islam akan dapat membina kekuatan sekiranya memiliki senjata peperangan yang lebih baik. Islam sebenarnya mengajar umatnya agar jangan melakukan peperangan dan menakluki negara lain. Namun, Islam menggesa umatnya wajib mempertahankan agamanya sekiranya ia diserang. Justeru senjata yang dicipta bertujuan mempertahankan diri semata-mata.

3. Seluruh umat Islam di dunia perlu bersatu demi menegakkan panji-panji Islam, bukannya mementingkan bangsa seperti Arab, Afrika, India, Cina, Melayu dan Eropah. Bukankah Islam itu bersaudara dan persaudaraan itu diikat dengan berpegang kepada agama yang satu. Pengajaran daripada mengerjakan haji pada setiap tahun itu perlu dihayati sedalam-dalamnya.

#### TEORI PERULANGAN SEJARAH IBN KHALDUN: PERJALANAN SEJARAH NEGARA SATU RAMALAN

Apabila ditinjau dari konteks sejarah negara, kerajaan Kesultanan Melayu Melaka hanya bertahan selama 102 tahun, sejak ditubuhkan pada tahun 1409 dan kemudian jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 akibat pelbagai kemungkaran dan kezaliman. Tanda-tanda kejatuhannya ialah apabila keseluruhan keluarga Bendahara Melaka dibunuh kecuali Tun Fatimah. Sejak dari itu pemerintah kolonial bertukar ganti, bermula dengan pemerintahan Portugis, berpindah ke tangan Belanda, kemudian beralih kuasa kepada Inggeris. Sekejap oleh Jepun dan kemudian kembali kepada Inggeris. Keseluruhan tempoh pemerintahan penjajah ini mengambil masa selama lebih 400 tahun.

Kini, bolehlah dianggap pemerintahan bangsa Melayu bangun semula apabila pada 31 Ogos 1957 negara mencapai kemerdekaannya dan diletak di bawah pemerintahan anak watan. Merdeka fasa pertama generasi sudah berlalu empat puluh tahun iaitu, 1957–1997. Diikuti fasa kedua, iaitu generasi kedua sudah melewati sepuluh tahun iaitu 1997–2009. Menurut teori Ibn Khaldun, setelah dijajah begitu lama, fasa pertama negara ini telah dilalui dengan memulakan pembangunan tamadunya. Dalam masa empat puluh tahun tersebut, banyak kemajuan telah dicapai terutama di kalangan orang Melayu. Kalau dahulunya orang Melayu ramai yang miskin, dalam masa empat puluh tahun ramai orang Melayu menjadi terpelajar dan jutawan.

Pencapaian pembangunan negara dalam masa empat puluh tahun, adalah kesan daripada para pemimpin dan rakyat dahulu mempunyai semangat kekitaan yang tinggi. Seluruh rakyat memperjuangkan hak bersama, yakni mereka masih kuat berpegang pada agama Islam, memperjuangkan bahasa sehingga bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara dan bahasa mencari ilmu dan perpaduan, mengangkat budaya hidup yang kukuh seperti semangat bergotong royong, menghormati para ulama dan guru, patuh kepada pemimpin sehingga berjaya membangunkan negara dengan pesat. Semua kejayaan ini adalah hasil tingginya semangat kekitaan yang ada dalam diri setiap pemimpin dan rakyat.

Selepas empat puluh tahun berlalu, negara dan masyarakat sudah berada dalam waktu melewati sepuluh tahun generasi kedua, iaitu dari 1997–2007. Ini bermakna masih ada 30 tahun lagi masyarakat berada dalam lingkungan generasi kedua. Namun, kelihatannya semangat kekitaan dalam kalangan orang Melayu semakin menipis jika meneliti pandangan Ibn Khaldun. Ini disebabkan kesan



yang berlaku dalam masyarakat, iaitu perubahan hidup daripada masyarakat desa kepada masyarakat kota. Semangat kekitaan masyarakat desa yang ekonominya banyak bergantung pada pertanian masih lagi kuat. Manakala masyarakat kota yang ekonominya bergantung pada industri dan perniagaan, mengakibatkan semangat kekitaan sedikit demi sedikit terhakis. Hidup anggota masyarakat tersebut lebih bersifat individualistik. Agama sudah tidak menjadi pegangan yang kuat akibat terlalu mementingkan hiburan yang berlebihan. Bangsa Melayu bukan sahaja tidak bersatu daripada segi politik, malahan generasi mudanya telah banyak berpecah kepada pelbagai budaya negatif. Bahasa Melayu yang dahulunya menjadi simbol kekuatan dan diperjuangkan bermati-matian oleh seluruh orang Melayu sehingga sanggup mengusung keranda 152 yang dilakukan oleh pejuang bahasa dahulu, nampaknya telah terpinggir. Rasa hormat kepada orang berilmu seperti para ulama, para cendekiawan, para guru dan orang tua sudah berkurangan malahan pandangan mereka kini sudah mula dipertikaikan. Kekayaan yang melimpah ruah yang dimiliki oleh individu dan para pemimpin membuatkan mereka lalai. Ini menyebabkan semangat kekitaan telah menjadi longgar kerana ada dalam kalangan anggota masyarakat yang terasa diketepikan. Bolehlah diramalkan (berdasarkan teori Ibn Khaldun) belumpun sampai generasi ketiga, iaitu pada tahun 2037, kemungkinan pemerintahan negara bertukar kuasa.

Justeru, sebelum terlambat dan boleh mengakibatkan pemerintahan sekarang jatuh ke tangan orang asing, para pemimpin wajar memikirkan cara untuk mengembalikan semangat kekitaan yang menjadi kunci utama kepada penyatuan orang Melayu.

## PENUTUP

Novel *1511H [Kombat]* karya Faisal Tehrani banyak mengungkapkan nilai agama dan keilmuan yang tinggi. Sebagai seorang pengarang muda, beliau melihat bangsa akan hancur sekiranya ramai anak muda menjauhkan diri dengan agama dan budaya bangsanya kerana asyik dibuai dengan hiburan melampau, kekayaan melimpah ruah, gejala dadah yang merebak dan rasuah yang meluas. Semua nilai buruk ini menjadikan mereka generasi yang lalai sehingga tidak menghiraukan kepentingan semangat kekitaan.

Novel ini bersifat futuristik, yang menggambarkan Islam atau bangsa Melayu akan bangkit semula pada 1511 Hijrah atau pada tahun 2083. Ini bermakna sejarah kegemilangan Islam atau bangsa Melayu akan berulang seperti pandangan Ibn Khaldun. Soalannya mampukah Islam dan bangsa Melayu bangkit semula seandainya 'semangat kekitaan' telah hilang? Mesej inilah yang hendak disampaikan oleh Faisal Tehrani menerusi novelnya ini. Segala usaha untuk meletakkan kekuatan agama Islam, bangsa dan negara menjadi cemerlang pada masa hadapan, tergalas pada bahu generasi muda yang bertaqwa dan berilmu.

Dengan ketaqwaan dan ilmu yang tinggi, kesedaran untuk meningkatkan semangat kekitaan di kalangan anak muda akan terus dijadikan pegangan dan tidak mustahil Islam atau bangsa Melayu akan menjadi satu kuasa besar yang hebat. Sejarah zaman kegemilangan Islam lampau akan berulang pada masa akan datang. Novel ini walaupun sebuah cereka namun ada falsafah yang perlu dicungkil dan difikirkan. Inilah impian pengarangnya sekaligus juga menjadi impian umat Islam dan bangsa Melayu seluruhnya.

#### RUJUKAN

- Al Attas, Syed Hussein. 2000. *Cita Sempurna Warisan Sejarah* (Siri Syarahan Umum Bangi). Bangi: Penerbit UKM.
- Fagerlind & Saha. 1985. *Education and National Development: Comparative Perspective*. Oxford: Pergamon Press.
- Faisal Tehrani. 2003. *1511H [Kombat]*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hasliza Hassan. 2007. Faisal berdakwah menerusi novel: Pemenang tiga anugerah utama DBP banyak ketengah isu babitkan ummah. *Berita Harian*, Khamis 4 Oktober.
- Ibn Khaldun. 1995. *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahayu Mohd. Salleh. 2000. Faisal puas hasil menjadi. *Metro* Ahad, 29 Oktober.
- Shahnon Ahmad. 1977. Sastera Islam. *Dewan Bahasa*. 7: 426-427.
- \_\_\_\_\_. 1987. *Polimik Sastera Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Husin Ali. 1985. *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Aliza Mgt Hussin. 2008. Nilai-nilai Islam dalam novel *Advencer Si Peniup Nei* dan *Tunggu Teduh Dulu* karya Faisal Tehrani. Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda yang diajukan ke Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, FSSK, UKM. (Tidak diterbitkan).

Misran Rokimin, PhD.  
 Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi.